

Dakwah jalanan USIM tarik pengunjung

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my
Kuala Lumpur

Pendekatan kreatif melalui program dakwah jalanan yang dianjurkan Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sekitar Kompleks Pasar Seni, Kuala Lumpur, baru-baru ini, mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pengunjung tempatan dan luar negara.

Rata-rata pengunjung tertarik dengan pembaharuan diketengahkan sekumpulan 30 pelajar terdiri daripada Urus Setia Kesenian Pelajar (UKP) di bawah program USIM Street Dakwah itu.

Lebih menarik, program dakwah jalanan itu turut sarat dengan mesej santai berbentuk nasihat, doa dan pedoman kepada masyarakat, diselang-selikan dengan persembahan muzik jalanan atau lebih dikenali sebagai 'busking' berkonsepkan muzik Islam.

Pengerusi UKP, Mohamad Aizat Mohamad Sani, berkata pengisian program lebih kepada perkongsian pengetahuan dan kesedaran, di mana setiap persembahan nyanyian diselitkan nasihat dan mesej yang menyeru ke arah kebaikan.

Katanya, ia diharap mampu membentuk jati diri cemerlang dan semangat berprestasi yang tinggi sekali gus memberi peluang kepada peserta membina keyakinan diri terutama ketika berinteraksi dengan orang ramai.



Aksi menarik peserta USIM Street Dakwah.

Nasihat turut disampaikan dalam persembahan dikir barat.

"Antara nasihat yang dikongsikan ialah khasiat makanan sunnah oleh pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

"Selain itu, naib juara program Realiti Imam Muda Musim Kedua, Nazrul Izwan Zolkiflee atau lebih dikenali dengan nama Imam Muda Nazrul tidak ketinggalan menyampaikan ceramah ringkas berkenaan isu dan hak wanita," katanya yang turut bertindak selaku pengarah program.

Irama segar
Seorang pengunjung, Nur Hidayah Abd Razak, 19, terhibur dengan persembahan berkenaan kerana ia menampilkan keunikan tersendiri menerusi irama segar muzik Islam.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr

Musa Ahmad, menyifatkan program berkenaan sebagai satu daripada penjenamaan USIM bagi menggambarkan keupayaan pelajar yang serba boleh termasuk mendekati masyarakat untuk menyampaikan dakwah secara santai.

Selain persembahan USIM Street Dakwah, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan deklamasi puisi, dikir barat dan nyanyian oleh beberapa artis jemputan seperti Siso Koprata, Akusuka Buskers, I'm Muzika manakala Asrul Raja Lawak bertindak sebagai pengacara program.

Pada akhir program, Prof Musa turut mendeklamasikan puisi bertajuk Kedamaian yang menyeru ke arah perdamaian, menghargai makna keadilan dan semangat mencintai kesejahteraan.

Melahirkan Graduan Bertaraf Antarabangsa Adalah Matlamat Kami

Di Kolej CONSIST kami lahirkan profesional OSH bertaraf antarabangsa yang mementingkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dalam setiap industri dalam dan luar negara. Industri seperti minyak dan gas, pembinaan, perkilangan, perhubungan, perladangan dan sebagainya mengiktiraf kerjaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini sebagai amat penting dan utama. Profesional OSH bertaraf antarabangsa sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dengan ganjaran dan gaji yang lumayan.



Kursus Yang Ditawarkan:
 ■ DIPLOMA PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (R/862/4/0001-2/2016) - A6756

5 RATING MyQuest
 COLLEGE PROGRAMME INTERNATIONAL STUDENTS READINESS
 MALAYSIAN QUALITY EVALUATION SYSTEM
 Ministry of Higher Education (MHE)

CERTIFICATION INTERNATIONAL
 ISO 9001:2015 CERTIFIED
 UKAS MANUFACTURING SYSTEMS
 063

PENDAFTARAN UNTUK SESI JULAI 2015 KINI DIBUKA.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
 Ibu pejabat CONSIST : Lot 330, Bt. 8, Jln Ulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor. Tel: 03-4108 9355/013-461 7362 (En Saiful)/016-625 2738 (En Shahrin)/012-320 1264 (Pn Aida) Faks: 03-4105 8578 E-mel: hq@consist.com.my/infocollege@consist.edu.my



Sebahagian daripada pengunjung tertarik dengan persembahan USIM Street Dakwah.

CONSIST TRAINING CENTRE
 survival safety skills

Kursus-kursus yang ditawarkan:

- BASIC OFFSHORE SAFETY & EMERGENCY TRAINING (3 Hari)
- H2S (1 Hari)
- FIRE WARDEN (1 Hari)
- FIRE FIGHTING (1 Hari)
- OCCUPATIONAL FIRST AID (2 Hari)
- FIRE AWARENESS (1/2 Hari)
- SEA SURVIVAL AWARENESS (1/2 Hari)
- SEA SURVIVAL (1 Hari)
- RE-BREATHER (1 Hari)

• SUJL PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (SHO) - 21 hari.
 Daftar segera sebelum 17 Ogos 2015 (Kursus Sepenuh Masa) sebelum 1 Ogos 2015 (Kursus Separuh Masa) tertakluk kepada bilangan minima 10 orang peserta.

CONSIST CENTRE SDN BHD
 Services for Present and Future Workforce

NEBOSH International General Certificate
NEBOSH International Diploma
 (In Collaboration with SAFEnviro Sdn Bhd)

Pendaftaran Kursus Separuh Masa - sebelum 27 Julai 2015
 Pendaftaran Kursus Sepenuh Masa - sebelum 17 Ogos 2015

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
 03-4108 9355 (CONSIST)
 013-461 7362 (En Saiful)
 016-625 2738 (En Shahrin)
 012-320 1264 (Pn Aida)